



FUNGSI PANTUN MELAYU TRADISIONAL DILIHAT DARI PERSPEKTIF BUDAYA DAN ALAM PEMIKIRAN MASYARAKAT MELAYU

Cho Min Sung

Department of Malay-Indonesian Studies
Hankuk University of Foreign Studies (HUFSS), Korea Selatan

Mat Zaid bin Hussein

Department of Malaysian Languages and Applied Linguistics
Universiti of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

Abstract

Pantun is a group of rhymed verses that support the beauty and finesse, which embody a strong and influential idea. Traditional Malay pantun works in almost every activity of the life of the Malay community, including expressing the values and culture of a tradition, questions of love and affection, concepts of humour as well as religious values. It also serves to convey the ideas and thoughts of its speakers and reflect the lives of its creator. In the creation of Malay pantun, all the experiences, views and philosophies of life conveyed in it use the nature background as a hint or meaning. The use of such elements reflects the intimate and bonded connection of the Malay community with the elements of nature around them. The creation of pantun often uses words related to the elements of nature that are present in the environment of the Malay community, especially in the form of symbolism or those imagining a variety of symbolic images that can exemplify the aesthetic value besides the meaning and profound message. The privileges and strengths of the Malay pantun can be seen in the use of certain symbols chosen based on the perception and worldview of the life of the Malay community and on the semantic relationship between hint and meaning.

Keywords: Malay pantun, Malay community, function of pantun, nature background

Abstrak

Pantun merupakan karangan berangkap yang mendokong keindahan dan kehalusan yang menjelmakan gagasan idea yang mantap dan berpengaruh. Pantun Melayu tradisional berfungsi dalam hampir setiap aktiviti kehidupan masyarakat Melayu, antaranya berfungsi mengungkapkan nilai dan budaya tradisi, persoalan cinta dan kasih sayang, konsep jenaka dan

humor, nilai keagamaan dan sebagainya. Pantun juga berfungsi memancarkan idea dan pemikiran masyarakat penuturnya serta mencerminkan kehidupan penciptanya. Dalam penciptaan pantun Melayu, segala pengalaman, pandangan dan juga falsafah hidup yang ingin dikemukakan di dalamnya menggunakan latar alam sebagai pembayang ataupun maksud. Penggunaan unsur sedemikian memperlihatkan hubungan akrab dan sehati masyarakat Melayu dengan unsur alam semula jadi di sekeliling mereka. Penciptaan pantun lazimnya menggunakan perkataan yang berkaitan dengan unsur alam yang terdapat dalam lingkungan persekitaran masyarakat Melayu terutama yang berupa perlambangan atau yang membayangkan pelbagai citra simbolik yang dapat memanasikan nilai estetika di samping maksud serta mesej yang mendalam dan berkesan. Keistimewaan dan kekuatan pantun Melayu pula dapat dilihat dari segi penggunaan lambang-lambang tertentu yang dipilih berlandaskan tanggapan dan pandangan dunia kehidupan masyarakat Melayu dan juga berdasarkan hubungan makna antara pembayang dengan maksud.

Kata kunci: Pantun Melayu, masyarakat Melayu, fungsi pantun, latar alam

Pendahuluan

Pantun adalah salah satu bentuk puisi lama yang sudah sangat lama dikenal oleh masyarakat Nusantara. Ia dianggap sebagai hasil kesusasteraan Melayu yang tertua sekali, iaitu dianggarkan sejak lebih 700 tahun dahulu (Ungku Aziz: 2011). Ia dikatakan lahir bersama wujudnya bangsa Melayu di Alam Melayu. Pantun berperanan sebagai medium komunikasi yang berkesan digunakan oleh pelbagai golongan dan lapisan masyarakat sejak dari zaman dahulu hingga sekarang. Sekalipun penggunaan pantun dalam masyarakat moden sudah berkurangan, namun ia masih popular hingga ke hari ini.

Pantun mempunyai tema dan fungsi yang pelbagai. Pada zaman dahulu, pantun digunakan hingga ke peringkat rasmi umpamanya dalam upacara beradat seperti pelantikan raja, upacara pinang meminang dan perkahwinan, upacara dan temasya tradisi, perayaan dan sebagainya. Pantun memainkan peranan yang penting dalam memancarkan pelbagai idea dan tanggapan, fikiran dan perasaan, persepsi dan perlambangan dan sebagainya oleh masyarakat tentang persoalan kehidupan, budaya dan persekitaran di dalam masyarakat Melayu. Menurut Wilkinson dan Winstedt (1961), seseorang itu tidak akan dapat menduga aliran pemikiran orang-orang Melayu, kalau tidak memahami pantunnya. Demikian pula Daillie (1988) berpendapat tidak lengkap pemikiran dan pengetahuan seseorang pengkaji tamadun masyarakat Melayu tanpa meneliti dan memahami pantunnya. Jelasnya, pantun Melayu menyerlahkan serta

melahirkan segala-galanya tentang fikiran, emosi, perasaan, pengalaman dan kehidupan dalam masyarakat Melayu (Omardin: 1960; Za'ba: 1965; Winstedt: 1961; Harun: 2001; Ungku Aziz: 2011; Siti Hajar: 2013).

Idea yang diungkapkan di dalam pantun mengandungi maksud yang mendalam, penuh bermakna dan serius tetapi digayakan, dilenggok dan disampaikan dalam bentuk yang santai, mudah serta sarat dengan kiasan dan perlambangan. Hal ini mencerminkangayahidup masyarakat Melayu yang amat menitikberatkan amalan budi bahasa, berhemah, berbudi pekerti dan tidak bersifat langsung.

Pengertian dan Asal Usul Pantun

Bermacam-macam hujah telah dikemukakan tentang definisi serta asal usul pantun dalam masyarakat Melayu. Menurut Holman dan Harmon (1986: 357), pantun ialah sejenis puisi lama yang asli milik masyarakat Melayu. Van Ophusyen (Pantun Melayu, 1957) pernah mengaitkan asal usul pantun dengan bahasa sulit orang-orang Mendailing yang disebut 'ende-ende'. Manakala Winstedt (1961) pula berpendapat bahawa pantun berasal daripada teka-teki Melayu dan untuk memahami pengertian serta selok-belok mengenai pantun, maka seseorang itu perlulah mengetahui mengenai falsafah 'bahasa buah dan bunga' masyarakat Melayu, yakni yang mengandungi pengertian-pengertian tertentu seperti maksud, tujuan dan rasa hati yang dilambangkan oleh jenis-jenis buah dan bunga tertentu yang terdapat dalam masyarakat Melayu dan yang hendak disampaikan oleh orang-orang Melayu.

Merujuk kepada Kamus Dewan (Teuku Iskandar, 2005), pengertian pantun adalah sejenis puisi lama yang terdiri daripada empat baris dalam tiap-tiap rangkap. Sementara Kamus Umum Bahasa Indonesia (2008) pula menerangkan pantun sebagai bentuk puisi Indonesia (Melayu), tiap bait (kuplet) biasanya terdiri atas empat baris yang bersajak (a-b-a-b), tiap larik biasanya terdiri atas empat kata, baris pertama dan baris kedua biasanya untuk tumpuan (sampiran) saja dan baris ketiga dan keempat merupakan isi. Dalam pengertian umum, penjelasan tentang maksud pantun termasuklah juga unsur-unsur seperti peribahasa dan perumpamaan, di mana kedua-dua kamus berkenaan telah menyenaraikan peribahasa sebagai salah satu makna bagi pantun. Untuk menjelaskan maksud tersebut, dapat diperhatikan satu contoh pantun berikut:

Hanyut perian bertali rumin
Penuh berisi gala-gala
Tuan 'sepantun' kilat cermin
Di sebalik gunung tampak jua.

Kata 'sepantun' (se+pantun) jelas membawa maksud 'seperti', 'seumpama', 'laksana' dan sebagainya lagi yang berfungsi sebagai penanda ungkapan peribahasa atau perumpamaan. Hal ini sebenarnya sejajar dengan pendapat yang pernah diberikan oleh Za'aba (1965) iaitu, perkataan pantun itu pada mulanya dahulu dipakai orang dengan makna 'seperti' atau 'umpama'.

Memang agak susah bagi kita untuk menentukan dengan jelas, bila orang-orang Melayu mula mencipta dan menggunakan pantun. Terdapat kalangan sarjana yang membuat tagakan bahawa pantun mula-mula tercipta sejak zaman Kerajaan Melayu Melaka, berdasarkan terdapat pantun di dalam teks Sejarah Melayu sekalipun dalam bentuk dan aturan yang masih kurang sempurna seperti berikut;

Cau Pandan anak Bubunnya
Hendak menyerang ke Melaka
Ada cincin berisi bunga
Bunga berladung siair mata

Menurut Omardin (1960: 2) dan juga Wilkinson (1961: iii) pantun mula-mula menjelma dalam abad yang ke-15, yakni seperti tercatat di dalam Sejarah Melayu, hikayat-hikayat lama atau hikayat-hikayat percintaan yang termasyhur dari India dan juga dalam syair Ken Tambuhan. Menurut pendapat mereka lagi, pantun Indonesia yang beragam-ragam bentuk dan corak isinya pula adalah hasil daripada pembaharuan menurut corak dan bentuk seloka India yang terkenal iaitu Ramayana dan Sakuntala. Manakala di Melaka pula, corak pantun Melayu kemudiannya telah berubah mengikut lenggok Tionghoa. Selain itu, dalam karangan-karangan Melayu klasik yang lain seperti Hikayat Hang Tuah, Hikayat Malim Deman dan Hikayat Awang Sulong Merah Muda juga ada tersulam dengan rangkaian-rangkaian pantun. Namun, pantun-pantun yang tercatat di dalam hikayat-hikayat tersebut belum lagi sempurna atau lengkap dari segi bentuk dan isinya.

Menurut kajian, adalah dipercayabahawa pada sekitar awal abad ke-17 baharulah sempurna bentuk, isi dan maksud di dalam pantun Melayu tradisional. Hal ini dapat dibuktikan menerusi pantun-pantun yang terdapat di dalam rencana-rencana tulisan Hamzah Fansuri sekitar abad ke-17 (Omardin: 1960). Berdasarkan keterangan-keterangan tersebut, maka jelaslah bahawa pantun ialah sejenis puisi tradisional yang telah lama wujud dan berpengaruh dalam masyarakat Melayu di samping puisi lain seperti syair, teromba, gurindam dan sebagainya. Sekalipun ada pendapat yang mengatakan bahawa pantun bukan sahaja kepunyaan masyarakat Melayu di Nusantara, namun berdasarkan penulisan dan kajian oleh Wilkinson (1961), Za'ba (1965), Winstedt (1969), Mohd. Yusof dan Abdul Rahman (1985) dan Harun (1989, 2001), dapat disimpulkan bahawa pantun adalah ciptaan asal dan kepunyaan masyarakat Melayu.

Dari segi pembentukan pantun, didapati bahawa pantun merupakan sejenis puisi terikat kerana ia mempunyai ciri-ciri yang khusus seperti pola rimanya iaitu a,b,a,b (atau a,a,a,a) dan mempunyai empat baris serangkap dengan susunan empat perkataan sebaris. Jalinan jumlah suku katanya dalam sebaris pula adalah antara lapan hingga dua belas suku kata. Binaan pantun terdiri daripada dua bahagian iaitu pembayang dan maksud. Satu rangkap pantun boleh melengkapkan keseluruhan idea iaitu boleh berdiri sendiri tanpa sokongan rangkap-rangkap lain.

Za'ba (1960: 165) menjelaskan setiap rangkap pantun terbahagi dua, separuh yang pertama dinamakan pembayang maksud dan separuh yang kedua ialah maksudnya yang sebenar yang dibayangkan oleh separuh yang pertama itu. Kesempurnaan dalam pembentukan pantun dapat diperhatikan menerusi contoh serangkap pantun berikut;

| | | |
|--------------------------------------|---|------------------|
| Batang / selasih / permainan / budak | } | Pembayang pantun |
| Berdaun / sehelai / dimakan / kuda | | |
| Bercerai / kasih / bertalak / tidak | } | Maksud pantun |
| Seribu / tahun / kembali / juga | | |

Berdasarkan penelitian oleh para pengkaji dan sarjana sejak dahulu hingga kini, seperti kajian oleh Omardin (1960), Wilkinson dan Winstedt (1961), Za'ba (1965),

Alisjahbana (1982) Daillie (1988), Harun Mat Piah (1989, 2001), Mohd Yusof dan Abd. Rahman (1985), Muhamad Hj. Salleh (1999) dan banyak lagi tentang pantun Melayu, secara ringkasnya pembentukan pantun Melayu dapat diperjelaskan seperti berikut;

- a) Pantun lazimnya terdiri daripada empat baris atau bait dengan pola bunyi a-b-a-b atau a-a-a-a. Bagaimanapun terdapat juga pantun yang terdiri daripada dua, enam atau lapan baris.
- b) Setiap baris pantun adalah merupakan kesatuan yang terpisah. Dua baris pertama dalam pantun empat baris, atau tiga baris pertama dalam pantun enam baris disebut sebagai pembayang atau sampiran. Manakala dua baris berikutnya dalam pantun empat baris adalah maksud atau isi pantun.
- c) Hubungan antara pembayang dan maksud di dalam pantun yang baik biasanya mempunyai perkaitan maksud.
- d) Setiap baris di dalam pantun yang baik biasanya mengandungi empat perkataan dengan jumlah bunyi antara lapan hingga dua belas suku kata.
- e) Pembayang pantun biasanya mengandungi perkataan yang berkaitan dengan unsur alam seperti flora dan fauna yang terdapat dalam lingkungan persekitaran, terutama yang berupa perlambangan atau menggambarkan pelbagai citra simbolik yang dapat menjelaskan nilai estetika serta mesej atau maksud yang berkesan.

Perrmasalahan Kajian

Tidak dinafikan bahawa kajian berkaitan fungsi pantun serta penelitian terhadap pemikiran masyarakat Melayu di dalam pantun Melayu tradisional sudah banyak dilakukan dari pelbagai sudut dan perspektif. Bagaimanapun, kerangka serta ruang lingkup kajian yang pelbagai dan terbatas ataupun mengkhusus kepada aspek tertentu sahaja mungkin menghasilkan atau menghujahkan dapatan kajian yang agak terbatas juga dalam setiap kajian masing-masing. Selain itu, keterbatasan matlamat atau tujuan kajian serta pendekatan kajian yang berbeza-beza sudah pasti akan menghasilkan perbincangan yang berbeza tentang pantun tradisional Melayu. Memandangkan bidang kajian tentang pantun terlalu luas dan beragam, maka aspek keupayaan dan ketajaman akal dan pemikiran masyarakat Melayu masa dahulu berkaitan penciptaan pantun Melayu mungkin masih belum dapat diterokai sepenuhnya dan mendalam. Justeru,

makalah ini cuba mengupayakan suatu perbincangan secara tuntas tentang fungsi pantun serta hubung kaitnya dengan budaya dan pemikiran masyarakat Melayuyang dapat dilihat di dalam pencitaan dan penggunaan pantun Melayu tradisional.

Tujuan Kajian

- a) Makalah ini diusahakan untuk meneliti peranan pantun Melayu tradisional serta hubungannya dengan akal budi, budaya dan pemikiran masyarakat Melayu pada masa dahulu hingga kini.
- b) Makalah ini juga akan menghuraikan kepadatan makna serta keberkesanan bahasa pantun sebagai medium komunikasi dalam menyampaikan sesuatu idea, gagasan atau tertentumesej di dalam masyarakat Melayu.

Kaedah dan Skop Kajian

Penulisanmakalah ini menggunakan kaedah perpustakaan menerusi rujukan dan penelitian terhadap pantun-pantun Melayu yang sesuai daripada empat buah sumber koleksi dan teks kajian tentang pantun Melayu tradisional, iaitu *Kajian Pantun Melayu* (Omardin Hj. Asha'ari: 1960), *Pantun Melayu* (Siri Kesusasteraan Melayu Lama Bil. 12) (Wilkinson dan Winstedt: 1961), *Alam Pantun Melayu* (Dailie: 1988) dan *Kumpulan Pantun Melayu*(Zainal Abidin Bakar: 1983).

Kajian ini akan cuba mendekati alam puisi pantun dan menyingkap fungsinya dengan melihat dari perspektif budaya dan alam pemikiran masyarakat Melayu tradisi. Menerusi pendekatan ini, penulis cuba melihat mengenai perkaitan antara proses penciptaan rangkapan pantun dengan persepsi dan pemikiran masyarakat yang didepaninya untuk mengungkapkan maksud atau mesej, dan seterusnya bagaimana masyarakat Melayu tradisi bereksperimen dengan unsur-unsur persekitaran dan alam sekelilingnya dalam melahirkan konsep-konsep imejan, perbandingan serta perlambangan-perlambangan menerusi untaian-untaian pantun yang indah dan padat bermakna. Dari segi fungsi, pantun Melayu tradisional berperanan sebagai media untuk mengekspresikan pengalaman, amalan dan adat istiadat, kebiasaan, kepercayaan, kebijaksanaan, fikiran dan perasaan terhadap tuhan, nabi dan juga sesama manusia. Pantun menjadi saluran atau media yang menitikneratkan pemeliharaan dan

penggunaan bahasa, di samping memiliki peranan penting menjaga fungsi kata dan jalan berfikir dalam menyampaikan sesuatu mesej.

Kajian Literatur

Sebenarnya sejak dahulu lagi sampai kini banyak pengkaji dan sarjana terkenal baik di Malaysia mahupun di Indonesia, malah termasuk juga sarjana Barat yang telah menjalankan kajian atau menghasilkan penulisan ilmiah tentang pantun Melayu tradisional, antaranya Hoesein Djajadiningrat (1933), Omardin Haji Asha'ari (1960), Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) (1965), Sutan Takdir Alisjahbana (1982), Harun Mat Piah (1989), Zainal Abidin Bakar (1983), Muhammad Haji Salleh (2000) dan lain-lain. Kalangan sarjana Barat yang terlibat dengan kajian pantun pula antaranya R. J. Wilkinson (1961), R. O. Winstedt (1961, 1969), Francois Rene Daille (1988) dan lain-lain.

Pada tahun 1960, Omardin Haji Asha'ari telah menerbitkan penulisannya tentang pantun di dalam buku bertajuk *Kajian Pantun Melayu*. Kajian tersebut mengupas tentang sejarah serta pengertian pantun Melayu. Menurutnya, semenjak dari zaman puntung berasap lagi orang-orang Melayu telah mencipta pantun untuk melahirkan perasaan mereka secara berkesan menerusi penyampaian yang ringkas, kemas, tepat dan menggunakan bahasa yang indah. Kajiannya berpendapat bahawa pantun terawal dicipta dan dikarang oleh orang-orang Melayu pada zaman kerajaan Melayu Melaka berdasarkan alasan kewujudan pantun di dalam naskah Sejarah Melayu dan juga saja-sajak Ken Tambuhan. Selain itu, Omardin turut mengupas tentang aspek keindahan bahasa yang dipakai di dalam pantun Melayu. Bahasa pantun terdiri daripada perkataan-perkataan yang lemah-lembut dan indah meliputi pelbagai unsur alam yang terdapat di persekitaran kehidupan sehinggakan apabila kita membaca pantun Melayu kita merasakan seolah-olah turut mengecapi keindahan alam semesta yang terbentang luas.

Daille (1988) dalam kajiannya tentang pantun Melayu yang bertajuk *Alam Pantun Melayu: Studies on the Malay Pantun* menjelaskan sesungguhnya gambaran dan pernyataan yang diserlahkan melalui sesebuah pantun amat banyak dan pelbagai. Puisi atau pantun Melayu melambangkan kehidupan masyarakat dan meliputi seisi alam semesta. Sebagai contoh, dalam kehidupan masyarakat Melayu terdapat tanah, kebun,

sawah, sungai, lautan atau hutan, pohon, buah-buahan, haiwan, burung, ikan, pekerjaan harian, adat, tradisi, cinta antara manusia dan juga nilai kecintaan terhadap tuhan. Unsur-unsur tersebut telah dimanfaatkan di dalam pantun. Menurutnya, secara keseluruhan dapat dikatakan bahawa pantun adalah Melayu dari segi manusia dan kehidupannya. Malah menurutnya lagi, tidak lengkap pengetahuan seseorang pengkaji tamadun Melayu jika tidak meneliti dan memahami pantunnya.

Harun Mat Piah yang banyak menulis tentang kesusasteraan dan puisi Melayu tradisional banyak mengupas tentang pelbagai aspek dalam pantun Melayu tradisional. Dalam penulisan bertajuk *Puisi Melayu Tradisional: Suatu Pembicaraan Genre dan Fungsi* (1987) dan juga *Puisi Melayu Tradisional* (1989), Harun menjelaskan bahawa seluruh aspek kehidupan masyarakat Melayu dapat digambarkan melalui pantun. Selain itu, menurutnya lagi pantun selalu dianggap sebagai alat komunikasi antara anggota-anggota masyarakat.

Penelitian oleh Noriah Taslim (2007) tentang pantun yang berjudul *Pantun dan Pembudayaan Bangsa* telah memperlihatkan bahawa di dalam masyarakat Melayu sejak zaman berzaman, budaya menggunakan pantun hampir tidak pernah ditinggalkan di dalam pelbagai acara persembahan seperti majlis keramaian, pertunangan, perkahwinan, majlis rasmi dan sebagainya.

Penelitian oleh Siti Hajar (2013) menerusi kajiannya bertajuk *Kelestarian Pantun: Rencah dan Leluhur Bangsa Dulu, Kini dan Selamanyate* telah mengupas bahawa pantun sebagai hasil kreatif orang Melayu yang terawal merupakan khazanah silam yang amat bernilai dan melambangkan genius masyarakat Melayu yang tinggi nilai sasteranya. Malahan pantun turut mempunyai nilai dokumentari yang tiadaandingannya. Pantun juga merupakan salah satu genre asli kesusasteraan yang menjadi wahana bagi pengucapan dalam berbagai jurusan aktiviti kehidupan masyarakat. Selain itu, pantun juga dijadikan alat ekspresi bagi kehidupan yang lebih tinggi iaitu moral dan agama, aspek-aspek yang lebih kompleks yang membawa kepada pemikiran kosmologi dan kosmogoni yang lebih bersifat abstrak berbanding dengan kehidupan seharian. Lebih istimewa lagi, pantun dapat merakam cara hidup serta aktiviti kehidupan masyarakat melalui eksploitasi unsur-unsur alam yang melatari dan melingkungi persekitaran setempat.

Hasil dan Pembahasan

Pantun berfungsi dalam hampir setiap aktiviti kehidupan masyarakat Melayu terutamanya berkaitan dengan upacara dan adat resam, keagamaan, amalan dan kepercayaan, hiburan dan kesenian, magis, dan sebagainya. Malahan pengaruh pantun dalam masyarakat Melayu sangat luas dan telah berfungsi dengan berkesan sebagai alat komunikasi untuk menyampaikan pelbagai mesej, hajat dan tujuan, sanjungan dan penghargaan, kebijaksanaan dan pengajaran, akal budi dan kehalusan perasaan, pesanan dan nilai keagamaan dan sebagainya.

Fungsi Pantun dalam Budaya dan Masyarakat Melayu

Fungsi dan peranan pantun begitu penting sekali dalam menggambarkan pelbagai persoalan serta persepsi terhadap ciri kehidupan dan budaya masyarakat Melayu tradisi, bermula dari peringkat kanak-kanak, remaja, dewasa mahupun golongan tua. Pelbagai unsur alam dan persekitaran dimanfaatkan dengan berkesan untuk diungkapkan sebagai perlambangan, imejan atau kiasan ibarat dalam menyampaikan pelbagai mesej dan maksud menerusi pantun tradisional.

a) Fungsi Pantun dalam Mengungkapkan Adat Istiadat dan Upacara Tradisi

Masyarakat Melayu tradisi sentiasa berhubung rapat dengan pantun, malah pantun sentiasa bergerak seiring dengan kepentingan-kepentingan tradisi seperti upacara, adat istiadat dan sebagainya dalam kehidupan masyarakat. Malahan, masyarakat Melayu yang begitu akrab dengan ciptaan pantun dianggap masyarakat yang sangat mementingkan upacara, adat istiadat, konvensi dan tradisi. Masyarakat sebegini juga dikatakan masyarakat yang berpegang kuat kepada falsafah biar mati anak, jangan mati adat. Adat dan kepercayaan kuno yang terkandung di dalam perumpamaan, pepatah-petitih dan mantera, adat dan kepercayaan yang tidak boleh diubah sering kali diungkap dan digambarkan melalui puisi pantun mahupun puisi-puisi lain seperti mantera, bahasa berirama dan sebagainya. Jadi, pantun berperanan sebagai alat untuk melahirkan gagasan pemikiran dan kepercayaan masyarakat sama ada secara langsung mahupun tidak.

Sudah menjadi amalan tradisi apabila hendak memulakan sesuatu pekerjaan terutama jauh sedikit dari kampung maka perbuatan meminta perlindungan atau keizinan daripada 'penjaga atau penunggu tempat' dipohon terlebih dahulu. Jika dilihat dari perspektif budaya dalam masyarakat Melayu tradisional, pantun seringkali memainkan peranan penting sebagai perantaraan untuk memohon 'sesuatu' tersebut. Untuk itu, dipantunkan rangkap pantun seperti berikut sebagai pendahulu upacara tertentu:

Burung tumbik burung belatuk
Burung singgah hujung setar
Minta tabik segala datuk
Hendak buang suara yang ketar

Dalam upacara lain, umpamanya dalam temasya mandi Safar di Melaka, pantun mengambil peranan utama semasa melakukan upacara tersebut pada masa dahulu. Temasya Safar ini telah menjadi adat dan diamalkan turun-temurun sejak berabad yang lampau khususnya bagi masyarakat Melayu di Melaka pada masa dahulu. Temasya ini diadakan di tepi laut atau sungai pada hari Rabu minggu terakhir dalam bulan Safar setiap tahun dengan tujuan membuang sial atau bala. Sewaktu upacara ini dijalankan, selain daripada beberapa upacara tradisi diamalkan, tarian dan nyanyian tradisi turut dilakukan. Pada waktu inilah mereka akan berpantun sempena dengan upacara dan nyanyian tersebut. Rangkap pantun yang diucapkan oleh siteruna semasa temasya Safar antaranya adalah seperti berikut;

Dondang sayang pohon kelapa
Air mawar di dalam dulang
Saya tidak berubah kata
Racun penawar adik seorang

Ia kemudiannya akan dipintas oleh sidara dengan pantun balasnya seperti berikut:

Buah berangan dari Palembang
Dijual budak dalam kota
Jangan tuan berhati bimbang
Saya tidak berubah kata

Persepsi masyarakat Melayu terhadap unsur-unsur kepercayaan tradisi amat tebal sekali terutama berkaitan dengan adat istiadat seperti yang masih terdapat di kampung-kampung atau desa sejak turun-temurun. Realitinya pada masa dahulu, adat berkampung masyarakat Melayu, hidup berteraskan hukum bersulamkan adat. Hal ini masih tersurat untuk menggambarkan adat resam yang sekian lama sudah tersirat. Maka, di dalam pantun segalanya telah terungkap. Dengan demikian, sekali lagi pantun berfungsi menjadi alat menyusun kata perbilang adat, seperti yang tergambar di dalam rangkap-rangkap pantun berikut:

Menanam kelapa di Pulau Bukum
Tinggi sedepa sudah berbuah
Adat bermula dengan hukum
Hukum bersandar di kitab Allah

Pohon nangka berbuah lebat
Bila masak harum juga
Berumpun pusaka berupa adat
Daerah berluak alam beraja

Lebat daun bunga tanjung
Berbau harum bunga cempaka
Adat dijaga pusaka dijunjung
Baru terpelihara adat pusaka

b) Fungsi Pantun dalam Mengungkapkan Nilai dan Budaya Tradisi Melayu.

Secara tradisi, nilai-nilai penting yang menyatukan masyarakat Melayu terdiri daripada sifat bertimbang rasa, hormat-menghormati, rendah diri, kesederhanaan hidup, mengelakkan hal-hal atau perlakuan yang melanggar adat yang boleh membawa aib atau malu dan taat kepada ajaran-ajaran agama Islam. Pantun sebagai suatu teknik sastra berfungsi sebagai suatu gagasan yang secara langsung memperkenalkan nilai murni tersebut untuk mencernakan kognisi masyarakat serta persepsi-persepsi ahlinya melalui pelbagai konsep yang terkandung di persekitarannya.

Sebagai masyarakat yang hidup berteraskan hukum bersulamkan adat, setiap upacara atau kerja yang dilakukan seringkali tertakluk atau terikat kepada norma-norma kehidupan yang dipertahankan sejak dari dahulu lagi dalam masyarakat Melayu. Salah satu daripadanya ialah hal berkaitan dengan adat istiadat meminang atau menghantar cincin tanda pertunangan. Adat ini merupakan salah satu adat yang tidak dapat dipisahkan dalam kalangan masyarakat Melayu sebelum upacara melangsungkan majlis perkahwinan dan adat bersanding dijalankan. Selalunya pihak teruna akan menghantar wakil ke rumah pihak perempuan yang hendak dipinang. Sebagaimana amalan tradisi, sikap berterus terang diketepikan takut melanggar adat dan susila, sebaliknya ungkapan beralas mengandugi makna berkias akan didahulukan. Untuk itu maka pantun dijadikan perantaraan untuk menyampaikan kiasan maksud oleh wakil pihak teruna dengan menjual pantun tanda bicara, seperti berikut;

Rumah besar alang pun besar
Rumah datuk permaisuri
Alang tak alang kerja pun besar
Maka sebabnya saya kemari

Setelah mendengar kata bicara daripada pihak teruna, maka tuan rumah, iaitu dari pihak perempuan akan menyusun kata membalas pantun seperti berikut;

Katung-katung berisi manik
Buah daik di tepi perigi
Tuan datang silalah naik
Itulah air pembasuh kaki

Setelah berbalas-balas pantun, maka pihak tuan rumah dengan hormat dan takzim menghulurkan cerana sirih ke depan wakil teruna dan dengan lemah lembut mempersilakan mereka makan. Sambil itu dipersembahkan pula pantun untuk menyampaikan maksud dan tujuan kunjungan tersebut;

Angkat puan angkat cerana
Sayang selasih di dalam pending
Ayuhai tuan tumpang bertanya
Bunga di jambangan sudahkan disunting

Setelah maklum akan maksud tujuannya, maka dibalas pula oleh tuan rumah dengan pantun berikut sebagai tanda sudi menerima;

Kalau tuan punya gaharu
Asapkan padi di tanah lembah
Mengapa tuan tanya begitu
Kalau sudi apatah salah

Sebaliknya, kalausekiranya sidara yang ingin disunting itu masih lagi muda mentah, maka masyarakat Melayu mempunyai persepsi lain atau menggunakan konsep tertentu untuk menjelaskan keadaannya, umpamanya dengan menggunakan konsep putik yang membayangkan usia yang masih muda. Hal ini dapat diperhatikan menerusi pantun di bawah;

Angkat puan angkat cerana
Sayang selasih di dalam bilik
Ayuhai tuan saya berkata
Bunga di jambangan masih putik

Dalam konteks ini, suatu hal yang menarik ialah orang Melayu mempunyai persepsi tersendiri dalam menggunakan unsur-unsur di persekitaran untuk digubah di dalam rangkap-rangkap pantun bagi tujuan tertentu. Elemen-elemen seperti air pembasuh kaki, puan, cerana, selasih, gaharu, bunga, sunting, putik merupakan konsep-konsep yang universal dalam masyarakat Melayu yang melambangkan maksud-maksud yang tersendiri khususnya dalam sesuatu upacara atau istiadat. Air pembasuh kaki yang telah tersedia, ibarat pintu sedia terbuka, disambut dengan ajak pelawa, mengundang tetamu kunjung persila, adat Melayu budaya bangsa. Puan, cerana dan selasih pula adalah merupakan ciri-ciri universal dalam masyarakat Melayu zaman dahulu. Apabila tetamu bertandang, maka dengan segera pula puan dan cerana berisi sirih dan pinangakan sedia terhidang.

Demikian juga konsep bunga dan sunting, dua elemen yang mempunyai pengertian saling berkait untuk dilambangkan kepada gadis dan pinangan. Keduanya juga merupakan konsep yang universal dan dikaitkan dengan anak dara yang sedang

perawan yang menjadi idaman jejaka dan menunggu ketika untuk dipinang. Namun, jika didapati sidara masih muda remaja, dikiaskan pula dengan kata putik untuk menunjukkan masih belum matang atau masih mentah. Demikianlah sikap tidak berterus terang dan berkias-kiasan yang wujud dalam adat dan budaya Melayu masa dahulu. Melalui penggunaan konsep-konsep seperti ini memperlihatkan ciri-ciri kehalusan, simbolik, tertib dan sopan, namun di sebaliknya terkandung maksud yang halus dan mendalam.

c) Fungsi Pantun dalam Mengungkapkan Persoalan Cinta dan Kasih Sayang

Masyarakat Melayu terkenal dengan sifat sederhana, berbudi bahasa dan sentiasa berkiasan dalam menyatakan sesuatu. Demikianlah dalam hal memperkatakan hasrat cinta dan berkasih sayang antara teruna dan dara dalam masyarakat Melayu dahulu. Pada umumnya gadis Melayu terkenal dengan sifat pemalu dan sopan santun. Bagi mereka tidak mudah memperlihatkan sesuatu secara terang-terangan apatah lagi sesuatu perasaan yang tersimpan di lubuk hati, yang mana jikalau diluahkan secara langsung atauterbuka akan dianggap tidak sopan dan melanggar tatasusila masyarakat Melayu. Demikian jugalah dengan siteruna yang terpikat kepada seseorang dara, sering memendam rasa gelora di jiwa dan sukar sekali untuk menyuarakannya secara terus terang. Mereka khuatir atau bimbang kalau tersilap langkah kiranya disuarakan secara terus terang, manalah tahu, cintanya tidak berbalas. Pantang teruna Melayu zaman dahulu melancang kata dalam menyatakan hasrat hatinya. Oleh itu, pantun akan memainkan fungsi utama sebagai medium untuk menzahirkan segala persepsi atau hasrat batin yang terpendam di dalam jiwa. Justeru, untuk itumaka terhasillah pantun-pantun seperti berikut:

Pokok beringin di tepi huma
Pucuk melampai menghela belukar
Hati ingin memetik bunga
Sayang bunga dilingkungi pagar

Sifat tidak mahu berterus terang ini ditamsilkan seperti pagar yang menjadi pelindung kepada siteruna daripada menerangkan maksud sebenarnya. Manakala di pihak sidara pula, apabila gelanggang sudah terbuka, maka tibalah waktunya untuk

menyatakan rahsia hatinya yang tersimpan sekian lama menerusi bait-bait pantun yang penuh berkias:

Pucuk melampai menghela belukar
Mati dililit ribu-ribu
Sayang bunga dilingkungi pagar
Carilah akal dengannya tipu

Demikian pula apabila seseorang teruna berhadapan dengan dara pujaan hatinya yang telah berjaya mencuri takhta di hatinya, maka akan bermadah menerusi kata-kata yang bersajaha lagi berkias seperti yang terungkap di dalam pantun berikut:

Kalau menyeberang titi hanyut
Sanggupkah adik berenang ke tepi
Kalau datang ajal dan maut
Sanggupkah adik bersama mati

Setelah didengari oleh sidara akan maksud tujuan pantun siteruna tersebut, maka tampil berbicara pula sidara dengan rangkap pantun seperti berikut:

Kalau kena dengan pasangnyanya
Kuda tidak takut pedati
Kalau kena dengan datangnya
Dinda tidak takut mati

Apabila terikat sudah janji dan ikatan pertunangan antara teruna dan dara, maka mereka akanmelafazkan sumpah dan ikrar taat setia memeteraikan janji menerusi ungkapan di dalam baris-baris pantun sepertimana tertera di dalam rangkap pantun berikut

Kalau sudah alim belaka
Siang malam duduk mengaji
Kalau kering Selat Melaka
Baharulah saya mungkir janji

Bagi teruna atau dara yang sedang dilamun cinta dan menanggung rindu mendalam, pantun-pantun berikut berfungsi sebagai penghubung bagi menggambarkan dan menyampaikan perasaan rindu yang terpendam di dalam hati:

Dari mana punai melayang
Dari paya turun ke kali
Dari mana datangnya sayang
Dari mata turun ke hati

Tuailah padi antara masak
Esok jangan layu-layuan
Intai kami antara nampak
Esok jangan rindu-rinduan

Bagi yang sedang menanggung rindu pula, mereka akan berpantun untuk melahirkan rasa rindu dendam yang sekian lama terpendam di dalam jiwa. Contohnya seperti pantun berikut:

Terang bulan di laman tangga
Sarang penyengat di dalam padi
Adakah orang semacam saya
Menaruh kiamat di dalam hati

Manakala bagi mereka yang sedang memendam cinta, digubah pantun seperti berikut untuk menyampaikan maksud bagi menguji kesungguhan atau kesetiaan, sama ada benar lautan cinta sedang bergelora atau hanya sekadar bermain kata-kata sahaja:

Apa guna memasang pelita
Kalau tidak dengan sumbunya
Apa guna bermain mata
Kalau tidak dengan sungguhnya

Seterusnya untuk menggambarkan situasi sudah menjadi semakin serius dan perasaan menjadi tidak menentu, segala kerja sudah bercelaru dan serba-serbi tidak kena ibarat musibah sedang melanda, maka disusun pula rangkap pantun seperti berikut:

Apa kena padiku ini
Sini sangkut sana pun goyang
Apa kena hatiku ini
Sini sangkut sana pun sayang

Kalau padi katakan padi
Tidak saya tertampi-tampi
Kalau jadi katakan jadi
Tidak saya ternanti-nanti

d) Fungsi Pantun dalam Mengungkapkan Konsep Jenaka dan Humoris

Sifat humor atau lucu merupakan konsep yang telah lama wujud, malah boleh dikatakan tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan masyarakat Melayu. Unsur humor atau jenaka bukan sahaja mencakupi unsur yang menimbulkan kelakaratau perlakuan yang menyebabkan kelucuan, tetapi juga wujud menerusi unsur-unsur warisan tradisi lisan ataupun tulisan seperti melalui permainan tradisi, nyanyian serta juga ungkapan puisi seperti pantun dan sebagainya. Unsur humor mempunyai peranan yang tersendiri, iaitu selain daripada bertujuan berhibur atau bersuka ria, ia juga mengandungi mesej atau amanat yang mendalam yang ingin disampaikan kepada masyarakat.

Pantun Melayu tradisional yang mengungkapkan unsur-unsur jenaka dan humor dapat dilihat menerusi pantun jenaka, pantun orang muda atau berkasih-kasih, pantun kanak-kanak dan sebagainya. Pantun-pantun Melayu tradisional yang berfungsi menyampaikan mesej bersifat humor dan jenaka dapat dilihat dan dihayati menerusi pantun di bawah:

Elok rupanya pohon belimbing
Tumbuh dekat limau lungga
Elok rupanya berbini sumbing
Walau marah ketawa juga

Di mana kuang bertelur
Di atas lata di ruang batu
Di mana abang nak tidur

Di atas dada di ruang susu

Buah berembang masak ranum
Masak diperam dalam gua
Kumbang lalu bunga tersenyum
Seekor belalang tumpang ketawa

e) Fungsi Pantun Dalam Mengungkapkan Alam Kanak-Kanak.

Kehidupan kanak-kanak sejak dilahirkan mempunyai lingkungan alamnya yang tersendiri, iaitu penuh dengan pergaulan, kemesraan dan keriangannya. Oleh sebab itu factor dan pengaruh sekeliling menjadi salah satu unsur penting mempengaruhi membentuk fizikal dan rohani kanak-kanak. Dalam hal ini, persepsi terhadap penyesuaian sifat-sifat semulajadi kanak-kanak dengan pengaruh sekelilingnya banyak dimanifestasikan sama ada menerusi nyanyian dan lakonan yang mereka lakukan sesama mereka, meskipun bersifat lucu dan jenaka ataupun melanggar aturan kebahasaan, mahupun apa yang diucapkan oleh ibu mereka atau orang yang lebih dewasa yang menjaganya.

Ketika ibu mendengar tangisan anak di buaian, lantas ibu akan segera datang menghampirinya lalu anaknya itu akan dibuai, didodoi dan dinyanyikan sambil berpantun. Menerusi pantun siibu akan menggambarkan perasaan kasih sayang, harapan, pujukan dan belaian manja. Sambil menghayun buai, ibu berpantun dengan penuh perasaan agar anak akan tidur nyenyak dengan melagukan rangkap-rangkap pantun seperti berikut:

Ayun buai kok kek
Kok kek ulu golok
Hak dia lokek
Hak orang hendak

Ayun buai lembut
Lembut ikut seberang
Bila nak menyambut
Menyambut petang karang

Pantun juga seringkali dijadikan medium untuk menanam sifat berani dalam diri kanak-kanak. Sejak dari dalam buaian anak-anak telah ditatangdan ditanam dengan sifat dan semangat berani serta tidak takut kepada sesuatu, seperti hantu, jembalangdan sebagainya. Justeru, pantun seperti berikut sering dilagukan dengan penuh semangat oleh ibu semasa mendodoikan anak:

Buai laju-laju
Sampai cucur atap
Jumpa anak hantu
Dipentong (*baling*) dengan tongkat

Badak ayu-ayu
Keladi ubi kelat
Tak dan (*sempat*) panjat kayu
Dan (*sempat*) badak jilat

Cing gercing
Setangkai bunga lada
Mana hantu kucing
Nasi dingin sudah ada

f) Pantun Sebagai Ekspresi Budaya Masyarakat Melayu

Masyarakat Melayu dahulu memang terkenal sebagai golongan petani. Boleh dikatakan sejak lahir ke dunia sehingga ke alam dewasa, kehidupan mereka sentiasa dilingkungi alam dan persekitaran kampung dan desa, sawah ladang dan kebun, bukit-bukau dan gunung-ganang, sungai dan lautan dan sebagainya. Bagi golongan tua, hampir separuh daripada masa siang mereka dihabiskan di tanah kebun, sawah atau ladang. Dari pagi hingga ke petang, mereka melihat berbagai unsur alam semula jadi di sekeliling kehidupan mereka; sawah, ladang, kelapa, pisang, padi, sayuran, keladi, kacang, langit, awan, burung, binatang, pohon, hutan, kampung halaman, bukit, gunung, sungai, jeram, bunga, jejak, perawan dan bermacam-macam lagi elemen dan konsep yang boleh mencetuskan pelbagai persepsi dan pengalaman dalam alam kehidupan seharian.

Daripada segala unsur yang didengar dan dipandang, baik pohon-pohon kayu yang tinggi melampaui mahupun yang rendah rendah menggapai, dedaun yang meliuk lintuk lemah gemalai, bukit-bukau menghijau dan gunung-ganang dilitupi awan-gemawan, air sungai dan jeram yang jernih mengalir nyaman, kicap-kicau burung dan unggas merdu bersiulan dan berdendang serta alam sekeliling yang indah dan menawan, semuanya dijadikan bahan untuk berkias bandingan, bersindir-sindiran, tamsilan dan imejan menerusi pantun tradisional.

Lingkungan kehidupan masyarakat Melayu yang tinggal di persekitaran sawah, huma dan hutan, memungkinkan mereka melihat dan berjumpa pelbagai jenis haiwan dan binatang. Dari situ kata-kata tentang haiwan seperti gajah, beruang, harimau, musang dan sebagainya diambil untuk mencipta pantun bagi menyatakan maksud atau mesej tertentu. Contohnya seperti pantun berikut:

Anak gajah anak beruang
Duduk berhenti hilangkan mengah
Sesama gajah bila berjuang
Pelanduk mati di tengah-tengah

Anak merpati disambar helang
Terbang ke titi di dalam huma
Harimau mati meninggalkan belang
Manusia mati meninggalkan nama

Selain itu, konsep tumbuh-tumbuhan termasuk bunga dan buah juga banyak digunakan di dalam pantun Melayu tradisional. Contohnya pantun-pantun berikut telah memanfaatkan unsur tumbuhan dan bunga seperti padi, nenas, beringin di dalamnya bagi mengungkapkan dan menyampaikan maksud tertentu kepada masyarakat:

Limau purut lebat dipangkal
Sayang selasih condong uratnya
Angin ribut dapat ditangkal
Hati kasih apa ubatnya

Penat saya bertanam padi

Nanas juga dipandang orang
Penat saya bertanam budi
Emas juga dipandang orang

Pokok beringin di tepi huma
Pucuk melampai menghela belukar
Hati ingin memetik bunga
Sayang bunga dilingkungi pagar

Bunga cempaka baunya harum
Dibawa orang ke dalam kota
Berjumpa sudah bertemu belum
Tuan seorang cahaya mata

Buah kepayang buah selasih
Buah keranji di dalam cempa
Kasih sayang dicari boleh
Kalau kasih apa tandanya

Oleh kerana sudah sekian lama mesra dan hidup sehati dengan pelbagai elemen dan alam sekelilingnya, maka tidak hairanlah apabila kebanyakan daripada ungkapan-ungkapan puisi, pepatah atau bidalan, pantun atau perumpamaan dijelma dan dikiasibaratkan menerusi elemen-elemen semula jadi yang wujud di sekeliling mereka untuk mengekspresi tentang kehidupan dan budaya masyarakat Melayu. Oleh yang demikian, daripada konsep-konsep yang telah dinyatakan, maka lahirlah apa yang disebut sebagai pantun yang merupakan wadah untuk mengungkapkan fikiran dan perasaan, idea dan gagasan, hasrat dan impian, cita-cita dan angan-angan, amanat dan pesanan, maksud dan pengertian, nasihat dan peraturan, adat dan warisan dan sebagainya lagi, baik di dalam untaian pembayang atau sampiran mahupun menerusi bait-bait maksudnya.

Abstraksi Pantun dan Hubungannya dengan Alam dan Masyarakat

Pantun dikenali sebagai karangan berangkap yang mendokong keindahan dan kehalusan yang menjelmakan gagasan idea yang mantap dan berkesan. Sebagai suatu unsur kekuatan yang wujud dalam pantun, penggemblengan terhadap unsur latar alam, masyarakat dan persekitaran sering menjadi bahan utama dalam membentuk baris-

baris pantun sama ada dalam pembayang ataupun maksudnya. Ia tentunya berkaitan dengan soal keindahan dan persepsi masyarakat kerana alam itu pastinya indah dan ambiguiti sifatnya. Dengan demikian, di situlah terletakinya ciri utama pantun, iaitu terdiri daripada ungkapan yang indah dan bermakna, baik pada ungkapan pembayang mahupun pada maksud itu sendiri. Contoh berikut dapat memperlihatkan unsur keindahan di dalam pantun Melayu tradisional yang bagus:

Buah langsung kuning mencelah
Keduduk tidak berbunga lagi
Sudah dapat gad ing bertuah
Tanduk tidak berguna lagi

Pertimbangan (*wazan*) dalam aturan penyusunan pantun di atas cukup untuk kita meletakkan nilai estetika yang amat tinggi di samping abstraksi pantun tersebut yang mendokong maksud dan amanat yang begitu bermakna sekali. Menerusi dua baris pembayang, jelas rnenperlihatkan bagaimana eksploitasi terhadap unsur alam yang mempunyai perkaitan rapat dengan persekitaran hidup masyarakat Melayu dan kemudiannya dikaitkan dengan maksud yang tidak terlepas daripada abstraksi makna di dalam pembayangannya.

Buah langsung memang terkenal dan berharga dalam masyarakat Melayu. Ia merupakan hasil yang menjadi kebanggaan masyarakat petani dan sudah pasti mempunyai nilai yang tinggi. Sebagai pohon buah-buahan yang bermusim, sudah tentu ia tidak menjadi perhatian masyarakat pada sepanjang waktu, melainkan apabila tiba musim berbuah sahaja, lebih-lebih lagi semasa hampir masak. Maka tidak hairanlah semasa pohon langsung tidak berbuah, pohonnya terbiar dan jarang diberi perhatian hingga menyebabkan pohon-pohon lain atau semak samun, termasuklah pohon keduduk tumbuh meliar dan melata di sekitar pohonnya.

Namun, apabila tiba musim pohon langsung berbuah dan hampir masak, maka pemiliknya mula memberi perhatian yang serius dan bertindak menjaga serta memastikan buah langsung akan membesar dan masak dengan baik. Lantas, pohon-pohon lain dan semak yang tumbuh meliar di sekeliling pohon langsung akan dihapuskan atau ditebang oleh pekebun. Oleh itu, sudah tentunya pohon keduduk yang sebelum ini

hidup meliar dan berbunga juga akan ditebang tebas dan tidak lagi berbunga. Daripada situ dapat dikaitkan tamsilannya bahawa langsung itu ibarat gading yang tidak selalunya mudah diperolehi dan sekiranya didapati sudah pastilah ia lebih bernilai dan mendapat perhatian masyarakat. Sebaliknya pohon keduduk yang mudah didapati dan selalu tumbuh melata dengan bunganya yang tidak berharga itu diibaratkan seperti tanduk yang banyak dan mudah didapati di mana-mana dalam masyarakat Melayu dahulu.

Hakikatnya, tidak dapat dinafikan bahawa pantun dan masyarakat Melayu dahulu adalah ibarat nyawa dengan badan, memancarkan persetiaan yang erat, ibarat aur dengan tebing, hidup saling sandar menyandar, saling memerlukan antara satu sama lain. Dengan sebab itu kedua-dua elemen ini sangat sehati dan sukar dipisahkan. Justeru, dapat ditegaskan di sini bahawa pantun wujud tatkala orang Melayu tahu tentang hidup bermasyarakat. Bagi membuktikan hakikat ini, kita dapat perhatikan penggunaan pantun di dalam lagu-lagu Melayu sehingga ada yang masih dinyanyikan sampai sekarang, seperti dalam lagu-lagu Melayu asli, *Lagu Seri Mersing, Seri Siantan Kuala Kedah, Kuala Deli, Damak, Makan Sireh, Gunung Banang* dan lain-lain. Sebagai contoh rangkap pantun yang penuh melankolik di bawah ini digunakan sebagai lirik di dalam lagu *Tak Seindah Wajah*, nyanyian Allahyarham S. M. Salim.

Di manis gula semut binasa
Kail berduri bersangkut umpan
Di manis kata badan binasa
Kerana budi batin terhumban

Demikian juga dengan rangkap pantun budi di bawah yang masih popular digunakan dalam masyarakat sehingga sekarang untuk menggambarkan tentang penting dan mustahaknya nilai budi dalam masyarakat:

Pisang emas dibawa belayar
Masak sebiji di atas peti
Hutang emas boleh dibayar
Hutang budi dibawa mati

Berdasarkan abstraksi pantun budi di atas, kita dapat membuat persepsi dan penilaian terhadap nilai budi di dalam masyarakat Melayu masa dahulu sehingga ianya

dimanifestasikan melalui gubahan baris pantun. Sekalipun hutang emas berbungkal-bungkal banyaknya namun akan diupayakan untuk dibayar. Namun, hutang budi yang tidak ternilai harganya dan lebih dipandang mulia sekalipun diukur dengan emas permata akan tetap dikenang dan dihargai sampai ke mati.

Dalam pantun lain dapat pula diperhatikan hubungan yang tersirat antara abstraksi pembayang dengan abstraksi maksud pantun itu sendiri, yang mana ia bukan setakat memperlihatkan hubungan dan keragaman unsur-unsur luaran yang tersurat semata-mata, sebaliknya dapat menggambarkan hubungan yang sangat relevan dan berkaitan antara pembayang dan maksud yang terbentuk di dalam pantun tersebut.

Kalau ada jarum yang patah
Jangan disimpan di dalam peti
Kalau ada silap dan salah
Jangan disimpan di dalam hati

Kias bandingan di dalam perumpamaan Melayu, menyimpan jarum yang patah dan berkarat di dalam peti diibaratkan sebagai gunting dalam lipatan yang akan mencetuskan keadaan berbahaya dan mudarat secara tersembunyi pada ketika-ketika tertentu. Jarum yang patah adalah cebisan kecil jarum yang pastinya tidak berguna lagi dan tidak harus disimpan, lebih-lebih lagi di dalam peti. Bagi masyarakat Melayu dahulu peti adalah tempat yang sangat penting untuk menyimpan segala benda dan khazanah yang berharga. Demikianlah halnya dengan maksud yang tersirat dalam dua baris berikutnya. Kesilapan dan kesalahan adalah cebisan kecil daripada perlakuan atau tutur kata yang sering kali boleh mencetuskan kemarahan atau rasa tersinggung orang lain. Oleh yang demikian, sekiranya terdapat sedikit kesilapan, dan sebagai unsur yang tidak memberi faedah kalau disimpan malah sebaliknya menimbulkan kemudatan, sebagaimana juga jarum yang patah, maka haruslah dihindarinya. Jika disimpan juga mungkin akan membangkitkan rasa kurang senang dan kebencian di dalam hati seseorang.

Kesimpulan

Tradisi berpantun dalam masyarakat Melayu sekarang sudah hampir luput malah mungkin langsung tidak dipedulikan atau tidak diutamakan lagi khususnya dalam upacara-upacara rasmi. Bagaimanapun, pantun bukanlah sudah dilupakan langsung, malah masih juga meluas digunakan tetapi dengan kadar yang sedikit dan dalam bentuk moden dan bebas. Dengan kata lain, ia tidak lagi digunakan untuk tujuan tradisi dengan bentuknya yang asli, sebaliknya ia sekadar wujud dalam acara-acara seperti berbalas pantun menerusi radio atau di peringkat sekolah menengah dan juga pusat-pusat pengajian tinggi. Namun demikian, pantun-pantun moden sekarang boleh dikatakan tidak lagi asli sifatnya sebagaimana pantun tradisional yang indah dengan gabungan ungkapan dan kata-kata atau diksi yang penuh estetik, bertenaga, disulami dengan imejan dan perbandingan, kiasan dan tamsilan, tentak dan irama yang seimbang serta susunan bunyi dan rima yang sepadan.

Pantun kini tidak lagi mampu untuk berfungsi memancarkan idea dan pemikiran masyarakat penuturnya, tetapi sebaliknya hanya dicipta sekadar memperlengkapkan bentuk dan bunyi-bunyi akhir sebagai sebuah pantun tanpa mengambil kira maksud dan idea yang hendak diungkapkan. Walaupun pantun tidak lagi digunakan secara meluas di peringkat individu atau masyarakat, namun pantun masih mampu bertahan sebagai media komunikasi massa, menerusi langgam dan dendangan lagu khususnya lagu-lagu asli Melayu yang kerap berkumandang di corong-corong radio. Yang pastinya, ia masih berupaya bertahan dan menarik minat audiennya.

DAFTAR KEPUSTAKAAN

Alisjahbana, S. Takdir. 1982. *Puisi Lama*. Petaling Jaya: Penerbit Zaman Baru.

Dallie, Francois Rene. 1988. *Alam Pantun Melayu: Studies on Malay Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Harun Mat Piah (ed.), 2001. *Pantun Melayu: Bingkisan Permata*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.

- Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu Tradisional-Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Holman, C. H.; Harmon. W. (1986). *A Handbook to Literature*. New York: Macmillan.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia (Edisi Keempat)*, 2008. Jakarta: Balai Pustaka
- Mohd. Yusoff Md. Nor dan Abd. Rahman Kaeh. 1985. *Puisi Melayu Tradisi*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Muhammad Haji Salleh. 2000. *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. 2007. *Pantundan Pembudayaan Bangsa. Dewan Sastera*. Ogos: 81-84. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omardin Haji Asha'ari. 1961. *Kajian Pantun Melayu*. Singapura: Malaya Publishing House Ltd.
- Pantun Melayu*. 1957 (Cetakan 7). Jakarta: Balai Pustaka.
- Siti Hajar Che Man. 2013. Kelestarian Pantun: Rencah dan Leluhur Bangsa Dulu, Kini dan Selamanya. Dlm *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 1(1): 75 – 81
- Teuku Iskandar, 2005. *Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid, 2011. *Pantun dan Kebijaksanaan Akal Budi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Wilkinson, R. J. Dan Winstedt, R. O. 1961. *Pantun Melayu*. Singapura: Malay Publishing House Ltd.
- Winstedt, R. O. 1969. *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Zainal Abidin Bakar (ed.). 1983. *Kumpulan Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba). 1960. *Pelita Bahasa Melayu III*. London: Macmillan and Co. Ltd.

Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba). 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.